



BANCI EKONOMI 2023 – MILIKAN BELIA



BILANGAN PERTUBUHAN

1,091,867

71,112

6.5%



GAJI & UPAH (RM JUTA)

354,935

12,003

3.4%



NILAI HARTA TETAP (RM JUTA)

2,059,211

32,186

1.6%



NILAI OUTPUT KASAR (RM JUTA)

3,851,806

80,699

2.1%



BILANGAN PEKERJA (ORANG)

10,004,306

374,843

3.7%



NILAI INPUT PERANTARAAN (RM JUTA)

2,349,194

35,855

1.5%



NILAI DITAMBAH (RM JUTA)


1,502,612

44,844

3.0%

Petunjuk:

- Jumlah
- Pertubuhan milikan belia
- Peratus sumbangan



Pertubuhan Milikan Belia Menjana RM80.7 Bilion Dalam Output Kasar Merentasi 71.1 Ribu Pertubuhan pada tahun 2022.

- Banci Ekonomi 2023 menunjukkan bahawa pada 2022, sebanyak 71,112 pertubuhan milikan belia direkodkan di Malaysia, mewakili 6.5 peratus daripada 1.09 juta bilangan pertubuhan. Pertubuhan ini mempunyai bilangan pekerja seramai 374,843 orang (3.7%) daripada jumlah 10.0 juta orang yang bekerja. Gaji dan upah milikan belia mencatatkan RM12.0 bilion, menyumbang 3.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.
- Nilai output kasar bagi pertubuhan milikan belia merekodkan RM80.7 bilion merangkumi 2.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. RM35.9 bilion direkodkan sebagai input perantaraan, merangkumi 1.5 peratus daripada RM2.35 trilion, manakala nilai tambah mencecah RM44.8 bilion, atau 3.0 peratus daripada jumlah nilai tambah Malaysia.
- Pertubuhan milikan belia menunjukkan nilai harta tetap berjumlah RM32.2 bilion, iaitu 1.6 peratus daripada jumlah RM2.06 trilion nilai harta tetap yang dimiliki oleh semua pertubuhan milikan belia di negara ini. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dalam milikan belia merangkumi 97.6 peratus bilangan pertubuhan (69,450). Sektor ini juga menjana RM69.4 bilion (86.0%) nilai output kasar, RM11.3 bilion gaji dan upah dan RM30.2 bilion dalam nilai harta tetap (93.7%).
- Selangor mencatatkan pertubuhan milikan belia tertinggi, iaitu sebanyak 19,888 bilangan pertubuhan (28.0%), menyumbang kepada RM36.5 bilion (45.3%) daripada jumlah nilai output kasar pertubuhan milikan belia di seluruh negara.
- Kesimpulannya, walaupun penyertaan belia dalam ekonomi masih agak kecil, namun perangkaan ini menggambarkan peranan dan sumbangan ekonomi yang penting dibuat oleh usahawan belia merentasi pelbagai sektor ekonomi, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Usaha untuk menyokong dan memperkasakan pertubuhan milikan belia mesti terus diperkukuh untuk menangani cabaran ekonomi pasca pandemik dan untuk memupuk pertumbuhan negara yang lebih inklusif dan mampan.

